

TRANSFORMASI PEMBUKUAN AL-QURAN PADA ZAMAN NABI SEHINGGA KINI.

Solehah binti Sabri 1
Siti Hajjatul Wada binti Omar 2
Nuru Huurun Ain binti Abd Aziz 3

1Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: solehahsabri@raudah.usim.edu.my)

2Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: sthjtlomr99@raudah.usim.edu.my)

3Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: huurunain@raudah.usim.edu.my)

Abstrak: Al-Quran merupakan sebuah kitab Agung yang sentiasa dibaca oleh seluruh umat Islam dan wajib beriman kepadanya. Seperti yang sedia maklum, Al-Quran telah dijamin oleh Allah SWT akan dipelihara daripada sebarang penyelewengan sehingga ke hari kiamat. Seiring perkembangan sains dan teknologi moden pada masa kini, kaedah pembukuan Al-Quran telah dimodenkan dengan pelbagai cara. Perubahan ataupun inovasi ini tidaklah menukar keaslian Al-Quran itu sendiri malah memudahkan umat Islam yang mempunyai pelbagai latar belakang untuk membaca Al-Quran. Oleh yang demikian, masih ramai umat Islam yang kurang peka terhadap transformasi Al-Quran mengikut peredaran zaman kini. Objektif kajian ini akan menganalisis cara pembukuan Al-Quran dari zaman nabi hingga kini. Seterusnya kajian ini juga mengemukakan beberapa transformasi moden Al-Quran seperti Al-Quran Digital, aplikasi Al-Quran dalam telefon pintar, Al-Quran Isyarat dan Al-Quran Braille bagi membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pencarian maklumat melalui internet. Hasil kajian meendapati bahawa sejarah pengumpulan Al-Quran perlu didedahkan kepada umat Islam memandangkan kitab suci ini adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW sepanjang zaman yang tidak ada sebelum ini dan sesudah itu. Penulisan Al-Quran kini dapat dibaca dari semasa ke semasa kerana tidak ada campur tangan manusia iaitu tidak berlaku sebarang penambahan malah teknologi terhadap Al-Quran dinaiktaraf menjadi satu inovasi kedalam bentuk teknologi moden. Justeru itu, penggunaan Al-Quran braille untuk cacat penglihatan dan Al-Quran isyarat untuk pekak dan bisu perlu diperbanyakkan. Kesimpulannya, tidak ada lagi alasan untuk tidak dapat membaca Al-Quran kerana kemudahan yang tercipta dapat memberi semua kesempatan serta peluang untuk menelusuri dan menikmati keindahan Al-Quran.

Kata kunci: Pembukuan, Braille, Al-Quran Isyarat, Transformasi Al-Quran, OKU.

Pengenalan

Islam adalah satu cara hidup yang lengkap. Ia mencakupi setiap perkara yang hadir dalam kehidupan seharian manusia. Allah s.w.t. menurunkan al-Quran sebagai panduan utama untuk umat manusia di samping mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. untuk dicontohi dan diteladani. Rasulullah s.a.w. telah menyatakan bahawa individu yang berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah pasti tidak akan tersesat sehingga ke hari kiamat. Ini membuktikan betapa pentingnya al-Quran dalam membentuk dan membimbing umat manusia ke jalan yang lurus. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما تمسكتم بهما: كتاب هلا وسنة نبيه صلى هلا عليه وسلم

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, tidak akan sesat selamalamanya apa yang berpegang kepada kedua itu, iaitu al-quran dan sunnah nabi.”

Sirah nabawiyah juga merakamkan tiada seorang pun orang kafir yang mampu dan berjaya mengubah ayat al-Quran walaupun pada ketika itu umat Arab sedang berada di zaman kegemilangan bahasa mereka. Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-an'am ayat 115:

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (١١٥)

(Surah Al-An'am, ayat 115)

Yang bermaksud: “Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukumhukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya dan Dialah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui.”

Walaupun begitu, boleh dilihat pada masa kini, pelbagai aplikasi telah diwujudkan untuk memudahkan umat Islam membawa Al-Quran ke mana sahaja mereka pergi. Perkara ini bukanlah satu perubahan atau inovasi yang dilarang, bahkan ia dibolehkan kerana memberi manfaat kepada para pembaca al-Quran. Kajian ini akan menjelaskan analisis cara pembukuan Al-Quran dari zaman Nabi hingga kini. Seterusnya mengemukakan beberapa transformasi moden Al-Quran seperti Al-Quran Isyarat dan Al-Quran Braille bagi membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Kajian Lepas

Pembukuan Al-Quran

Seperti yang kita sudah sedia maklum, terdapat di kalangan para sahabat yang telah diamanahkan sebagai pencatat al-Quran antaranya ialah Ali bin Abi Talib, Ubay bin Kaab, Zayd bin Thabit, Zubair bin al-Awwam, Muawiyah bin Abi Sufyan dan lain-lain. Baginda lalu memerintahkan mereka menulis dan menetapkan susunan ayat-ayat al-Quran berdasarkan panduan malaikat Jibril AS sehingga penulisan al-Quran menjadi lembaran menjadi realiti dan membantu memudahkan seseorang penghafal mengingati Al-Quran dengan baik (Mohamad Nor, 2012). Pada masa Rasulullah untuk menulis teks al-Quran sangat terbatas sehingga para sahabat menulis Al-Quran di pelepah kurma, batu dan kepingan tulang haiwan, walaupun Al-Quran sudah dituliskan pada zaman Rasulullah tapi Al-Quran masih tidak tersusun dan tidak terkumpul menjadi satu mushaf (Tikasari Kania,2022).

Penulisan Al-Quran

Tambahan pula menurut para ilmuan, penulisan Al-Quran bermula pada zaman Nabi Muhammad SAW di mana sebaik sahaja penerimaan wahyu. Baginda mengarah para penulis mencatat wahyu yang diterima. Antara penulis wahyu yang terlibat ialah Khulafa' Al-Rasyidin yang ke-empat iaitu Saidina Abu Bakar As-Siddiq. Oleh kerana pada ketika itu alat menulis yang terhad, ayat-ayat Al-Quran ditulis diatas pelepah tamar, kepingan batu dan juga tulang (Sarwat, 2020).

Al-Quran Isyarat

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang sangat mulia dan diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW agar dapat membimbing umat manusia ke jalan yang lurus. Mempelajari Al-Quran adalah satu tuntutan kepada setiap manusia yang bergelar muslim. Namun begitu, tidak semua tercipta dalam keadaan yang sempurna mental dan fizikalnya. Perkara ini dikhususkan kepada mereka yang kurang upaya fizikal seperti buta, pekak, dan bisu. Mereka juga tidak terlepas daripada menuntut dan mempelajari kitab suci Al-Quran. Dalam mengatasi masalah ini, kerajaan dan pihak berwajib telah mengambil inisiatif bagi menyediakan dan melaksanakan pembelajaran untuk Orang Kurang Upaya (Karamah, 2019).

Al-Quran Braille

Orang Kurang Upaya (OKU) adalah antara golongan yang sering dikaitkan dengan isu dan perbincangan berkaitan keperluan mereka dalam pendidikan, terutamanya dalam aspek berkaitan persoalan taklif dalam menerima dan mengamalkan ajaran Islam. Justeru, sebagai manusia kita minoriti ini agar sama-sama dapat mempelajari Al-Quran. Dengan wujudnya Al-Quran braille memudahkan lagi mereka membaca Al-Quran. Menurut (Rahmah Razuan, et al., 2019) USIM dan terutamanya dari pihak UMMI itu sendiri telah dan masih lagi memainkan peranannya dalam merapatkan jurang dan mengisi kelompangan ini. Tujuan dan harapan semoga ianya mampu menjadi model kepada universiti-universiti lain dalam menghadapi isu dan permasalahan ini sebagai peluang untuk berkhidmat untuk negara khususnya kepada kumpulan minoriti ini. dengan cara ini dapat merapatkan jurang dan mengisi kelompangan ini.

Perbincangan Kajian

Hafazan Rasulullah Bersama Jibril

Menghafaz memerlukan kekuatan daya fikiran pada orang yang melakukannya, di dalam bahasa Arab orang yang mempunyai daya ingatan yang kuat digelar sebagai quwwatuz zakirah. Kebolehan manusia dalam mengingat sesuatu sangatlah ajaib dan menakjubkan. Pembelajaran Quran pada peringkat awal adalah melalui hafazan. Ini kerana Rasulullah SAW merupakan seorang yang ummi yakni baginda (tidak tahu membaca dan menulis). Dalam keadaan yang ummi itulah baginda Nabi Muhammad SAW menyampaikan pula kepada para sahabat. Sahabat pula menghafaz ayat-ayat suci al-Quran dan menyampaikan pula kepada sahabat lain

Rasulullah sangat berhati-hati dalam menjaga kesahihan setiap bacaan baginda. Justeru itu, melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah dilalui oleh Rasulullah SAW yang telah menjadi murid kepada gurunya Jibril a.s secara. “Talaqqi al- Musyafahah”. Ini bertujuan mengekalkan dan memperkukuhkan hafazan Al-Quran dalam dada Rasulullah SAW, Jibril a.s sentiasa datang bertadarus untuk menyemak bacaan Al-Quran Rasulullah. Selain itu, Rasulullah juga memlalui proses ini dalam keadaan yang tenang dan jauh dari kesibukan.

Dapat difahami dan dalami bahawa ketenangan hati sangat penting bagi menghafaz Al-Quran. Ketenangan dan tidak terburu-buru ini dikekalkan sehinggalah menjadi salah satu metode atau manhaj di dalam menghafaz al-Quran. Penurunan al-Quran secara beransur-ansur bukan sahaja untuk meneguhkan hati Nabi Muhammad SAW tetapi juga memudahkan hafalan baginda SAW. Sebagaimana firman Allah yang membawa saranan menghafaz ayat demi ayat berperingkat ini dinyatakan di dalam Surah Furqan: 32

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا

(Surah Al-Furqan, ayat 32)

Maksudnya: Dan orang-orang kafir berkata, “Mengapa Al-Qur'an itu tidak diturunkan kepadanya sekaligus?” Demikianlah, agar Kami memperteguh hatimu (Muhammad) dengannya dan Kami membacakannya secara tartil (berangsur-angsur, perlahan dan benar).

Pengumpulan Al-Quran

Usai kewafatan Rasulullah SAW, Abu Bakar As-Siddiq telah dilantik menjadi khalifah yang pertama. Beliau menghadapi beberapa masalah antaranya ancaman Nabi palsu, golongan enggan membayar zakat dan juga murtad. Peperangan Yamamah telah berlaku pada tahun 12 hijrah, seramai 70 orang Huffaz Al-Quran telah syahid dimedan perang dan ini membawa kebimbangan kepada Abu Bakar. Oleh itu, bermulanya cadangan mengumpulkan Al-Quran yang diutarakan oleh Saidina Umar kepada Abu Bakar.

Saidina Umar al-Khattab memberi cadangan kepada Khalifah Abu Bakar supaya dilakukan usaha pengumpulan al-Quran kerana dibimbangi al-Quran akan terhapus dengan sebab ramainya para menghafaz yang gugur syahid. Pada mulanya khalifah tidak menerima cadangan ini kerana beliau sangat berhati-hati dalam melakukan sesuatu urusan. Lagi pun, perkara tersebut tidak pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Sementara itu, Saidina Umar pula tidak putus-putus mengulangi cadangannya sehinggalah Allah SWT melapangkan dada Abu Bakar untuk menerima cadangan tersebut.

Setelah itu, sedikit demi sedikit Al-Quran dikumpulkan oleh Zaid bin Thabit atas arahan Abu Bakar al-Siddiq ra. Ayat-ayat Al-Quran yang telah ditulis di atas pelepah tamar, batu-bata termasuklah melalui hafazan para sahabat dikumpulkan setelah dibantu oleh beberapa orang sahabat yang lain

Zaid bin Thabit sangat berhati-hati semasa menerima ayat-ayat al-Quran. Dia hanya menerima ayat-ayat yang telah ditulis dan disaksikan oleh dua orang lagi. Ini dapat dilihat dalam kes ayat

terakhir Surah al-Taubah, yang hanya terdapat dalam kepemilikan Abu Khuzaimah al-Ansari. Ini tidak bermakna bahawa ayat al-Quran ini bukan Mutawatir. Sebenarnya ramai kawan-kawan termasuk Zaid sendiri sudah hafal ayat ini. Yang dimaksudkan dengan ungkapan “hanya terdapat dalam kepemilikan Abu Khuzaimah al-Ansari” ialah ayat ini tidak terdapat dalam tulisan, kecuali dalam tulisan yang disimpan oleh Abu Khuzaimah al-Ansari.

Ayat ini telah dihafal oleh ramai sahabat, disaksikan oleh ramai sahabat bahawa ia telah ditulis, tetapi yang ada hanyalah tulisan atau catatan yang ada dalam simpanan Abu Khuzaimah. Ini membuktikan Zaid seorang yang sangat teliti dan berhati-hati semasa melakukan tugasnya.

Pembukuan Al-Quran

Setiap ayat Al-Quran yang diturunkan, Nabi selalu menyuruh untuk menghafal dan menuliskannya di batu, kulit binatang, pelepah kurma dan sebagainya, Nabi menerangkan bagaimana ayat-ayat itu nanti akan disusun dalam sebuah mushaf secara tertib urutan ayatnya, di samping itu Nabi juga membuat penegasan, hanya Al-Quran sahaja yang dibolehkan untuk ditulis dan melarang isi lain termasuk Hadith mahupun pelajaran yang keluar dari mulut Nabi SAW. Hal ini bertujuan agar apa yang ditulis adalah betul-betul Al-Quran dan tidak tercampur adukkan untuk terjamin keaslian Al-Quran tersebut. Nabi menggalakkan supaya Al-Quran itu dihafal di dalam dada sahabat dan diwajibkan pula untuk dibaca pada setiap kali mendirikan solat.

Peringkat awal pembukuan yang dilaksanakan oleh Saidina Umar adalah dengan membukukan Al-Quran sebanyak 6 buah naskah. Enam buah naskah Al-Quran ini telah diamanahkan kepada enam orang sahabat untuk dipegang yang berada diberlainan tempat dan juga mengikut cara bacaan atau qiraat yang tersendiri iaitu di Kota Basrah, Kota Kufah, Kota Syam, Kota Madinah Al-Munawwarah dan juga Kota Makkah Al-Mukarramah. Oleh kerana perbezaan bacaan ini, telah berlaku perselisihan dalam kalangan orang Islam sendiri dan berlakunya perpecahan umat Islam.

Pada masa pemerintahan Uthman bin Affan, pemerintahannya telah sampai ke Armenia, Azarbaijan disebelah Timur dan Tripoli di sebelah Barat. Dengan demikian kelihatanlah kaum Muslimin pada waktu itu bertaburan hingga ke Mesir, Syiria, Irak, Persia dan Afrika, kemana mereka pergi dan di mana mereka tinggal Al-Quran itu tetap menjadi imam mereka. Kemudian Khalifah Uthman bin Affan meminta kepada Khafshah binti Umar lembaran-lembaran Al-Quran yang ditulis pada masa Khalifah Abu Bakar untuk disalin.

Tanda Dan Titik Al-Quran

Pada mulanya, Al-Quran dibaca tanpa adanya tanda dan titik, maka ramai yang memeluk Islam dan juga kebanyakannya bukanlah dalam kalangan bangsa Arab dan tidak bertutur dalam bahasa tersebut. Ketika itu, Mua'wiyah bin Abi Sufian menugaskan Abu Asad Ad Duwali untuk meletakkan tanda bacaan dari segi tatabahasa dan titik untuk menghindari kesalaha dalam bacaan.

Peringkat awal penulisan Al-Quran belum diberi tanda-tanda perbezaan huruf seperti titik dan baris. Islam semakin berkembang semasa zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a. Oleh sebab inilah timbulnya pelbagai masalah dari segi pembacaan dan pemahaman Al-Quran kerana penganutnya terdiri dari kalangan Arab dan bukan Arab. Khalifah Uthman r.a membuat

penambahbaikan dalam tulisan untuk memudahkan orang yang bukan Arab membaca, menghafaz serta mendalami Al-Quran dengan baik.

Penambahbaikan ini dilakukan secara berperingkat. Mulanya hanya diletakkan titik pada huruf-huruf untuk menggantikan tanda bacaan yang kita sebut sebagai baris atas (فتحة), baris bawah (كسرة) dan baris hadapan (ضمة). Tanda bacaan ini dibuat oleh Abu Al-Aswad Ad-Du'ali. Seterusnya Yahya bin Ya'mur dan Nasr bin 'Asim menukar tanda baris huruf-huruf kepada tanda sempang atau garisan dan menambah dua garisan pada tanwin. Kemudian, Khalil bin Ahmad Al-Farahidi membuat perubahan penyempurnaan dengan meletakkan tanda sabdu (تشديد) dan hamzah (ء).

Antara usaha-usaha lain dalam penyempurnaan ini ialah : Alif Wasal (huruf Alif ^ا tidak dibaca apabila bacaan tersebut dirangkaikan, tetapi apabila dijumpai pada pangkal kata maka alif wasal lebih sering dibaca sebagai fonem 'i'), Waw kecil (و) pada baris hadapan, Alif kecil (ا), kepala Ha untuk sukun (ه), tanda berhenti atau sambung pada bacaan dan banyak lagi. Nama-nama surah dan ayat-ayat juga diletakkan untuk kemudahan pembaca. Ulama juga membuat tanda untuk setiap Juzuk, Hizb dan Maqra' dalam Al-Quran. Berkat kesungguhan para Ulama terdahulu maka lahirlah Resam Uthmani yang diguna pakai sehingga ke hari ini. Uthmani adalah sempena nama Khalifah Uthman bin Affan kerana susunan penulisan yang teratur berlaku pada zaman beliau.

Al-Quran merupakan kitab terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ayatnya dan susunannya tidak akan berubah walaupun banyak usaha-usaha perubahan dilakukan oleh musuh-musuh Islam. Usaha yang mereka lakukan pasti akan gagal kerana Allah yang memelihara kesucian Al-Quran sejak azali lagi. Firmannya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا Use the "Insert Citation" button to add citations to this document.

Use the "Insert Citation" button to add citations to this document.

وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Az-Zikr (Al-Quran) dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya”.

(Surah Al-Hijr, ayat 9)

Permulaan Percetakan Al-Quran

Sebelum adanya Al-Quran cetak, Al-Quran disalin dan ditulis menggunakan tulisan tangan. Sejarah permulaan percetakan Al-Quran bermula pada tahun 1530 Masihi di Bunduqiyyah, Itali. Namun begitu pihak gereja mengarah supaya dihapuskan Mushaf ini kerana bimbang akan memberi kesan kepada pegangan agama Nasara. Berikutnya cetakan Mushaf berlaku pada tahun 1106 H/1694M di Hamburg, Jerman. Cetakan ini diusahakan oleh seorang orientalis beraliran protestan yang bernama Abraham Hinkelemanni. Dalam mushaf ini terdapat banyak kesalahan yang dikesan dan beberapa ayat tidak disertakan. Lanjutan dari itu pada tahun 1834, cetakan Mushaf tanpa terjemah secara sempurna dibuat oleh seorang orientalis Jerman yang bernama Joseph Libersif Plogal di kota Libezij. Cetakan ini menjadi rujukan Orientalis. Percetakan ini tidak diberi perhatian oleh umat Islam ketika itu kerana banyak kesalahan dan metode percetakan tidak mengikut kaedah rasm Uthmani.

Pada tahun 1308H/1890M, al-Quran cetakan Mesir yang diperhalusi oleh Syeikh Ridhwan bin Muhammad al-Mukhallilati diterbitkan. Mushaf ini diterbitkan dengan kata-kata pendahuluan yang sempurna, di mana menjelaskan bahawa mushaf ini ditulis menurut rasm dan tanda-tanda yang tercatat menurut kitab al-Muqni' karya Imam al-Dani dan kitab alTanzil karya Imam Abu Daud. Dalam mushaf ini menjelaskan secara ringkas tentang sejarah pengkajian al-Quran dan perbincangan rasm serta dhabt. Seterusnya pada tahun 1337H/1918M al-Quran cetakan Kementerian Pendidikan (Wizaratul Ma'arif) Mesir pula mula diterbitkan, di mana ia telah ditashih oleh para ulama al-Azhar.

Pada tahun 1342H/1921M, Muhammad Marmaduk Baksal telah menerbitkan mushaf yang dicetak di London, percetakan pertama dengan menggunakan rasm Uthmani. Muhammad Marmaduk telah menyemak mushafnya berpandu kepada Mushaf percetakan al-Amiri. Beliau adalah seorang inggeris yang memeluk agama Islam pada 1917M. Semua penandaan dalam mushaf tersebut dari sudut baris, titik dan semua alamat dabt adalah sempurna. Mushaf ini dulang cetak pada tahun 1969M dan berada dalam simpanan Maktabah Turathiyah. Bentuk mushaf mempunyai 826 halaman, 12 baris dan huruf yang dicetak dengan khat nasakh Tibaei (Zaini Zakaria & Anuar Hasin, 2021). Pada tahun 1342H/1923M, Raja Fuad I membentuk kumpulan pentashih al-Quran kalangan ulama-ulama al-Azhar. Pada tahun-tahun berikutnya Universiti al-Azhar membentuk kumpulan sendiri untuk mengawal pencetakan al-Quran di Mesir.

Pada abad ke 20 percetakan Al-Quran dilakukan di dunia Islam, dan cetakan yang banyak digunakan di dunia Islam pada hari ini adalah cetakan edisi Mesir tahun 1925 yang juga dikenali dengan edisi Raja Fuad kerana dialah yang memperkasainya. Kemudian pada tahun 1947 untuk pertama kalinya Al-Quran dicetak dengan teknik cetak yang canggih dengan menggunakan huruf-huruf yang cantik. Pendekatan tersebut dilakukan di Turki atas usaha seorang ahli kaligrafi Turki terkemuka, Said Nursi. Lalu pada tahun 1976 Al-Quran dicetak dengan berbagai ukuran dan jumlah oleh percetakan yang dikelola oleh pengikut Said Nursi di Berlin, Jerman.

Maka pada hari ini Al-quran dapat diperolehi dengan begitu mudah di seluruh dunia. Hal ini bukan lagi satu perkara pelik sehingga menyebabkan ramai orang Islam tidak lagi mengendahkan al-quran, tidak mempelajarinya, tidak membacanya apatah lagi mengamalkannya. Cetakan Al-Quran telah digunakan dengan kaedah yang canggih dan tulisan Al-Quran mudah dibaca dan difahami.

Al-Quran pada Zaman Moden

Sesuai dengan peredaran masa dan zaman yang serba canggih ini, Al-Quran juga sudah berinovasi dalam pelbagai bentuk. Ini bagi memudahkan semua umat Islam dapat membaca Al-Quran walau dimana saja. Tidak menjadi satu alasan lagi untuk kita tidak membaca Al-Quran. Seperti yang kita sudah sedia maklum membaca Al-Quran memperolehi banyak ganjaran pahala. Bukan itu sahaja, bagi mereka yang berusaha untuk mempelajari Al-Quran juga akan mendapat ganjaran pahala seperti yang diriwayatkan pada hadis ini

Daripada Aisyah r.a. telah berkata: Bersabda Rasulullah S.A.W. :

“Orang yang membaca Al Quran dan susah untuk menyebut ayatnya ia mendapat dua pahala”.

(Hadith Riwayat Bukhari & Muslim)

Antara Al-Quran yang sudah berinovasi dalam pelbagai bentuk ialah:

Al-Quran Digital.

Al-Quran digital merupakan satu inovasi yang sangat bermanfaat kepada umat Islam. Kelebihan al-Quran digital ini kita boleh membaca perkataan al-Quran sepetah demi sepetah. Ia berbentuk pen pintar yang digunakan dengan cara menunjukkan pen kepada perkataan yang ingin dibaca. Pen pintar ini akan mengeluarkan bunyi sebutan yang betul untuk membantu pengguna membaca al-Quran. Ia turut dilengkapi dengan terjemahan dan bacaan daripada beberapa qari terkenal. Hidup manusia kini dikelilingi dengan kemudahan digital tidak kira dalam apa pun aktiviti yang dilakukan. Al-Quran digital adalah bertujuan untuk memudahkan umat Islam membaca dan mandalami Al-Quran. Di dalam Al-Quran digital juga terkandung kesemua 30 juz surah sepertimana Al-Quran biasa. Al-Quran digital juga lebih praktikal berbanding Al-Quran naskah kerana lebih mudah dibawa kerana bentuknya yang kecil dan ringan serta ia juga direka berasingan daripada gajet gajet lain. Bukan itu sahaja, Al-Quran digital juga mempunyai warna. Warna yang digunakan bukanlah sekadar untuk mencantikkan Al-Quran tetapi diadaptasikan sebagai pemudah cara dalam mempelajari ilmu-ilmu al-Quran seperti terjemahan ayat, pembahagi kisah dan yang paling utama ialah huruf berwarna untuk membezakan hukum-hukum tajwid. Al-Quran berwarna ini sangat bermanfaat untuk semua lapisan masyarakat sama ada golongan dewasa mahupun kanak-kanak. Kelebihan al-Quran berwarna ini dapat dilihat dengan jelas. Ia menjadikan masyarakat bertambah minat untuk mempelajari ilmu tajwid di samping memudahkan pembaca untuk membaca dengan lancar dan fasih.

Aplikasi Al-Quran dalam Telefon Pintar.

Teknologi kini semakin berkembang pesat mengikut peredaran zaman. Telefon pintar antara gajet yang harus dimiliki dalam kalangan masyarakat hari ini. Susah semestinya pada zaman sekarang sudah memiliki telefon pintar hal ini lagi mudah untuk semua lapisan masyarakat menggunakannya. Seiring dengan penciptaan telefon pintar ialah aplikasi yang pelbagai. Antara aplikasi yang dibina ialah Al-Quran flash seperti Quran for android, Al Quran Melayu dan iQuran Lite. Aplikasi Al-Quran di dalam telefon pintar sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa. Ketika di peringkat permulaan aplikasi Al-Quran hanya dalam bentuk tulisan dan kini ia dilengkapi dengan sistem audio yang dibaca oleh qari-qari terkenal dan terjemahan dalam pelbagai bahasa yang boleh dimuat turun. Selain mudah dibawa ke mana-mana, pengguna juga boleh melihat terjemahan secara terus ketika sedang membaca aplikasi Al-Quran ini. Setiap inovasi yang dilakukan terhadap Al-Quran ada kelebihan dan manfaatnya. Ia bukan sahaja menjadikan Al-Quran lebih menarik dan lebih moden mengikut peredaran zaman, malah proses pembelajaran juga menjadi semakin mudah. Ia juga amat sesuai bagi pengguna yang ingin menghafal Al-Quran mereka hanya perlu membuka telefon pintar mereka sahaja dan tidak perlu membawa naskah Al-Quran yang besar.

Penciptaan Al-Quran Braille dan Al-Quran Isyarat

Braille adalah sistem tulisan yang berasaskan sentuhan tangan yang paling meluas digunakan dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) khususnya dalam kalangan orang cacat penglihatan. Pengasas tulisan Braille ini menggunakan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor. Al-Quran Braille ialah mushaf Al-Quran Braille yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab iaitu huruf Hijaiyyah tanda baris, symbol seperti syaddah, kasrah dan lain-lain. Islam sangat menitikberatkan tentang menyantuni setiap orang tidak kira usia dan lapisan masyarakat. Kita seharusnya saling menghormati antara satu sama lain. Penghormatan itu diberi tanpa perlu wujud perbezaan berdasarkan rupa paras dan fizikal. Selagi seseorang itu bergelar manusia, ia masih perlu dihormati. Begitu juga golongan Orang Kurang Upaya (OKU), walaupun mereka ada kekurangan

tidak sempurna tubuh badan atau cacat anggota mereka juga mempunyai perasaan, kebolehan, bakat dan kepintaran sendiri yang dikurniakan oleh Allah. Secara amnya golongan minoriti ini tidak patut diabaikan malah perlu dibimbing agar mereka ini dapat menjalani rutin harian mereka seperti manusia biasa. Sudah semestinya, golongan ini juga sebenarnya ingin membaca Al-Quran seperti manusia normal. Disebabkan fizikalnya yang terbatas, niat suci murni itu juga pun terbatas. Maka, dengan penciptaan Al-Quran Braille ini dapat membantu kalangan OKU cacat penglihatan untuk membaca Al-Quran.

Seterusnya, bahasa isyarat merupakan suatu bentuk komunikasi yang digunakan oleh golongan orang kurang upaya (OKU) pendengaran dan juga kepada mereka yang mempunyai masalah pertuturan. Isyarat tangan adalah teras utama dalam bahasa isyarat, gaya dan eksperimen wajah juga banyak memainkan peranan. Oleh itu, isyarat bagi huruf hijaiyyah telahpun diwujudkan, sehubungan dengan itu banyak kelas-kelas fardu ain yang menggunakan isyarat tangan sudah ditubuhkan bagi golongan-golongan istimewa ini. Mereka diajar satu persatu tentang bahasa isyarat Al-Quran bagi setiap ayat agar dapat memahami apa yang ingin disampaikan. Hal ini bertujuan memudahkan mereka mempelajari Al-Quran dengan menggunakan Bahasa isyarat. Selain daripada itu, golongan OKU pendengaran juga boleh melibatkan diri ke majlis-majlis agama yang dianjurkan. Kebiasaannya penterjemah Bahasa isyarat disediakan bagi memudahkan golongan seperti ini menyertai serta dapat perkongsian serba sedikit tentang ilmu agama.

Rujukan

Al-Quran

Al-Hafiz, M. N. (2012). Sejarah Penulisan dan Pembukuan Al-Quran. Universiti Malaya.

Aqsho, M. (2016). Pembukuan Al-Quran, Mushaf Usmani dan Rasm Al-Quran. *Almufida*, 85-109.

Dewi Farah. (2021). Sejarah Penulisan Al-Quran. ISMA.

Hakimin Mohd Nor, Mohd Hasbie, Zaidul Amin, & Lutfi Hadi. (2018). Kepelbagaian Mushaf Al-Quran Masakini Di Malaysia. *International Research Management & Innovation Conference (IRMIC)*. Putrajaya.

Ilias, a. m. (2010, March 27). Pengumpulan & Penulisan al-Quran Di Zaman Abu Bakar al-Siddiq ra. Retrieved from elmargi: https://elmargi.com/2010/03/al-quranpengumpulan-penulisan-al-quran_27.html

Kania, T. (2022). Sejarah Pembukuan Al-Quran. *Academia*, 1-10.

Karamah, U. (2019). Kaedah-kaedah Bacaan Al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran. *A-Turath*, 59-66.

Muslimin. (2014). Pembukuan dan Pemeliharaan Al-Quran. 279-294.

Norakyairree Raus, Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, & Norullisza Khosim. (2013). Pengajaran Al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *Journal on Quranic Research (IJQR)*, 79-94.

Rahmah Razuan, Norakyairree Raus, Mahyuddin Hashim, Adzam Rasdi, Adnan Yusoff, Noornajihan Ja'afar, & Asiah Muhamad. (2019). Pendidikan Al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 78-98.

Sarwat, A. (2020). Sejarah Al-Quran . *Lentera Islam* , 13-20.

Shahrudin Pangilun, Rohanah Zakaria, & Aslam Farah. (2018). Kawalan Penerbitan Al-Quran Di Malaysia. *International Conference on Islamiyat Studies*, (pp. 172-184). Selangor.

Shaharuddin Pangilun, Farhah Zaidar Ramli, Rohanah Zakaria, & Syafee Salihin. (2020). Implikasi Penerbitan Mushaf Al-Quran Di Malaysia. *Jurnal Qiraat*, 43-55.

Zaini Zakaria, & Anuar Hasin. (2021). Sejarah Permulaan Percetakan Al-Quran dan Penggunaan Rasm Uthmani. *International Conference in Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)* (p p . 7 0 8 - 7 1 6) . N e g e r i S e m b i l a n : R e s e a r c h G a t e .